

PENDAFTARAN PRODUK RACUN MAKHLUK PEROSAK

A) KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENDAFTARAN) 2005

Kaedah-kaedah Racun Makhluk Perosak (Pendaftaran) 2005 menggariskan keperluan maklumat bagi mendapatkan kelulusan pendaftaran racun makhluk perosak daripada Lembaga Racun Makhluk Perosak.

Bagi memastikan racun makhluk perosak yang di tawarkan untuk dijual di negara ini berkualiti, berkesan untuk digunakan dan masa yang sama untuk mengurangkan risiko kepada manusia dan alam sekitar.

B) PANDUAN PENDAFTARAN RACUN MAKHLUK PEROSAK

Racun makhluk perosak memerlukan pendaftaran jika mengandungi perawis aktif yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

Untuk permohonan pendaftaran sesuatu racun makhluk perosak, perkara berikut diperlukan:

1. *Cover letter*;
2. Salinan sijil pendaftaran syarikat (SSM);
3. Salinan sijil pendaftaran racun makhluk perosak dari negara asal;
4. Surat kebenaran daripada sumber racun perosak;
5. Empat (4) salinan draf label mengikut Peraturan-Peraturan Racun Makhluk Perosak (Pelabelan)1984;
6. Sampel racun perosak dibungkus dan dilabel dengan jelas;
7. Piawai analisis dengan *Certificate of Analysis* (COA);
8. Bayaran fi pemprosesan RM 1500;
9. Lima (5) salinan data teknikal untuk menyokong pendaftaran:
 - a) Data Identiti, Sifat Fizikal dan Kimia
 - b) Kaedah Analisis
 - c) Kesan toksisiti ke atas manusia dan haiwan (data toksikologi mamalia)
 - d) Data residu
 - e) Data kesan kepada alam sekitar
 - f) Kesan ke atas organisma bukan sasaran
 - g) Data Kemujaraban.

Pemohon dikehendaki untuk merujuk kepada garis panduan terperinci yang menjelaskan keperluan data teknikal bagi pendaftaran racun makhluk perosak seperti berikut :

1. Perintah Racun Makhluk Perosak (Pindaan Jadual Pertama) 2011
2. Garis Panduan Pendaftaran Racun Perosak
3. Garis Panduan Keperluan Data Kimia Bagi Pendaftaran Racun Makhluk Perosak (GP1/2015)
4. Garis Panduan Keperluan Data Toksikologi Bagi Pendaftaran Racun Makhluk Perosak (GP2/1993)
5. Garis Panduan Keperluan Data Kemujaraban Bagi Pendaftaran Racun Makhluk Perosak (GP3/1993)
6. Garis Panduan Keperluan Data Residu Bagi Pendaftaran Racun Makhluk Perosak (GP4/2012)
7. Garis Panduan Pendaftaran Racun Perosak *Biopesticides* (GP7/2016)
8. Garis Panduan Untuk Nama Dagangan Racun Perosak

C) BAYARAN PENDAFTARAN RACUN MAKHLUK PEROSAK

Di bawah Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pendaftaran) 2005, dua jenis bayaran dikenakan:

- a) Bayaran permohonan RM 1,500.00 dibayar apabila mengemukakan permohonan pendaftaran racun perosak.
- b) Bayaran kelulusan mengikut kelas toksisiti:

BIL	KELAS RACUN PEROSAK	F1
1	Ia & Ib	RM 3,500.00
2	II	RM 2,000.00
3	III	RM 1,000.00
4	IV	RM 500.00